



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(28)

20 SEPTEMBER 2022

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-28/2022:
PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN MALAYSIA (OCCUPATIONAL HEALTH AND SAFETY LAW)

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagai makluman, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP atau Occupational Safety and Health Act – OSHA) telah dipinda dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ atau Factories and Machinery Act - FMA) dimansuhkan. AKKP telah dipinda untuk dikuatkuasakan di semua jenis tempat kerja kecuali persekitaran angkatan tentera, bekerja di atas kapal dan bekerja di rumah persendirian sebagai pembantu rumah.

3. Seperti sedia maklum, AKKP dahulunya dikuatkuasakan ke atas industri seperti pembuatan, pembinaan, hotel, restoran dan peruncitan. Bagaimanapun, majikan industri selain yang tersebut, termasuk perkhidmatan keselamatan, tidak lama lagi akan tertakluk kepada kewajipan berkanun untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja mereka di tempat kerja, dan mesti mematuhi beberapa kewajipan keselamatan dan kesihatan di bawah AKKP. Sehubungan itu, perkara ini termasuk keperluan untuk melantik penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, dan kewajipan untuk menjalankan penilaian risiko terhadap risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

4. Dalam konteks perkembangan di atas, secara umum AKKP menekankan akauntabiliti kepada majikan serta meningkatkan perlindungan untuk pekerja dari sudut Keselamatan dan Kesihatan dan kedua-dua pihak mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

MOHAMMAD UBADILLAH BIN IMAN

Naib Presiden

DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN
TUDM (B)
SALIZAABDULLAH

SetiausahaKehormat

DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD

BendahariKehormat

FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD
FATMI

PenolongSetiausaha

ASSYANUR NASYRAN BT ISHAK

PenolongBendahari

AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

Ahli-ahlijawatankuasa

KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR
DATUK HJ. ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BT DATO' IR. HJ. JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

JuruauditDalaman

MOHD HODORI BIN SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur

ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor

DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor

DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan

HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu

CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang

MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ BIN HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis

DATO' HJ. MDROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka

DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan

HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah

MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak

SHAHARUDDIN BINDATO' SAMSU

Sekretariat


Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

5. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri melalui surat rujukan KDN. K. S. 700-3/1/18 (51) bertarikh 20 Jun 2022 (rujuk lampiran) telah memutuskan silibus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan diwajibkan bagi Program Latihan Certified Security Guard (CSG) mulai tahun 2023. Ia susulan daripada bengkel bersama pihak NIOSH (National Institute of Occupational Safety and Health) yang diadakan pada 14 hingga 16 Februari 2022. Sebelum ianya dilaksanakan, semua pengarah syarikat keselamatan akan didedahkan dengan keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui program taklimat yang sedang direncanakan oleh Persatuan bersama pihak NIOSH (National Institute of Occupational Safety and Health). Pemakluman akan disusuli.

Perhatian sewajarnya oleh Ahli-ahli Persatuan berkaitan perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that curves into a horizontal stroke with a loop at the end.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**



Rujukan : KDN. K. S. 700-3/1/18 (51)
Tarikh : 20 Jun 2022

YBhg. Dato' Sri Haji Ramli bin Haji Yusuff

Presiden

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

No. 708, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya

Selangor

No. Faks: 03-78038691

**PELAKSANAAN MODUL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(NIOSH) DALAM PROGRAM LATIHAN *CERTIFIED SECURITY GUARDS*
(CSG)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhasrat untuk mengadakan semula Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) yang telah ditangguhkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan penambahbaikan kepada modul sedia ada. Susulan pelaksanaan Bengkel Semakan Silibus dan Penambahbaikan Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG), *Trained Nepalese Guard* (TNG) dan *Certified Bodyguards* (CBG) yang telah diadakan pada 14-16 Februari 2022 di Bangi Golf Resort, KDN memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Modul Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (NIOSH) dalam Program Latihan CSG bermula Januari 2023.

3. Sehubungan dengan itu, Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) hendaklah mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada ahli mengenai modul NIOSH dan tanggungjawab sebagai majikan melalui program-program bersesuaian sebelum modul ini dilaksanakan sepenuhnya dalam Program Latihan CSG. NIOSH telah memberikan persetujuan untuk membantu dan pihak PIKM boleh menghubungi NIOSH bagi menjayakan hasrat ini.

4. Sebarang maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Syariffah Nur Qasyfi binti Syed Mohamed melalui e-mail syariffah@moha.gov.my. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' Sri dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k:

YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan)
SUB (K)